

Kesan Pembacaan *NovelPlus* terhadap Masyarakat di Malaysia semasa Pandemik COVID-19

Nurbalqis Aimi Anisa binti Mohd Jaafar
Mohd Syuhaidi bin Abu Bakar*
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia

Emel perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my*

Abstrak

Ketika pandemik COVID-19 melanda negara Malaysia, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyarankan rakyat Malaysia untuk duduk di rumah bagi mengurangkan penularan COVID-19 dan hal ini telah menyebabkan pembacaan novel dalam talian semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia. NovelPlus adalah salah satu aplikasi yang menawarkan perkhidmatan pembacaan novel dalam talian. Dapatan kajian daripada temu bual 10 orang informan yang juga pembaca NovelPlus menunjukkan adanya beberapa kesan aplikasi ini dari segi bahasa, iaitu membuka peluang untuk mempelajari bahasa luar, memantapkan kosa kata dan menarik perhatian kerana penggunaan bahasa yang santai. Walau bagaimanapun, ada informan berpandangan bahawa terdapat penggunaan kata-kata kesat dalam aplikasi berkenaan. Dari segi pemikiran pula didapati bahawa aplikasi NovelPlus memberi pengaruh negatif terhadap pemikiran kerana terdapat adegan tidak senonoh yang mampu mempengaruhi komunikasi harian dan juga mempengaruhi para penulis baharu. Walau bagaimanapun aplikasi NovelPlus juga mampu memberi pendedahan terhadap dunia penulisan seperti menambah ilmu pengetahuan tentang ilmu jenayah, ilmu tentang negara luar dan ilmu tentang sesuatu penyakit. Hasil temu bual bersama informan juga mendapat beberapa kesan lain yang wujud selepas pembacaan menerusi aplikasi NovelPlus ini seperti masalah kesihatan dan mewujudkan jurang komunikasi. Walau bagaimanapun, penggunaan aplikasi berkenaan boleh menjimatkan wang. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat menjadi rujukan terhadap kajian-kajian akan datang berkaitan dengan pembacaan novel secara dalam talian.

Kata Kunci: *NovelPlus*, Kesan, Bahasa, Pemikiran, Ilmu Pengetahuan

The Impact of NovelPlus application on Readers in Malaysia during the COVID-19 Pandemic

Abstract

When the COVID-19 pandemic struck Malaysia, the Ministry of Health (MOH) advised Malaysians to stay home, resulting in the reading of online novels gaining attention among Malaysian citizens. NovelPlus is one of the applications that offer novel reading services online. This study interviewed 10 informants who are also NovelPlus readers. The results of the study found that there are several effects in terms of language, namely opening opportunities to learn foreign languages, strengthen vocabulary and the app attracts attention as it has used a common and understandable language. However, some informants are saying that there is the use of abusive words in the application. In terms of thinking, it was found that the NovelPlus application influences thinking because there are indecent scenes in the novel, which can influence daily communication and able to inspire new writers negatively. However, the NovelPlus app can expose them to the world of writing. In terms of knowledge, the NovelPlus application adds knowledge about crimes, countries, and diseases. Other harmful effects that occur after reading through the platform include health problems, and the creation of a communication gap, yet it can save money. Therefore, it is hoped that this study will serve as a reference for future studies related to online novel reading consumption.

Keywords: NovelPlus, Effect, Language, Thinking, Knowledge

Pengenalan, Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian

Penggunaan teknologi ketika ini semakin berkembang dengan pantas dan semua individu boleh menggunakan teknologi tanpa sebarang halangan. Berikutan dengan situasi yang melanda dunia, iaitu penularan COVID-19, penggunaan teknologi dalam kalangan manusia semakin rancak. Boleh dikatakan hampir semua individu memiliki peranti elektronik masing-masing. Kini, bahan bacaan bukan sahaja boleh didapati dalam bentuk fizikal malah boleh didapati di dalam bentuk e-buku. *NovelPlus* adalah sebuah aplikasi novel di dalam talian yang boleh digunakan oleh orang ramai untuk membaca novel melalui peranti elektronik masing-masing. *NovelPlus* menjadi pilihan penggemar novel terutamanya novel fiksi kerana ianya memudahkan pengguna untuk membaca novel tidak kira di mana sahaja kerana ianya hanya perlu diakses menggunakan peranti elektronik seperti telefon pintar. Aplikasi yang diberi nama *NovelPlus* ini menawarkan beberapa bahasa sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Penulis yang menerbitkan penulisan mereka di dalam *NovelPlus* bukan sahaja datang daripada Malaysia malah datang daripada negara Indonesia, Brunei dan Singapura.

Menurut Crystal (2021), *NovelPlus* Technology Bhd telah disenaraikan di Pasaran Leap Bursa Malaysia, iaitu pengendali dan pembangun platform menulis dan membaca secara dalam talian. *NovelPlus* menyediakan bacaan e-buku (buku digital), iaitu bacaan secara di dalam talian merangkumi lebih 37,000 novel dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang telah diterbitkan dengan ekosistem lebih 2.1 juta pengguna. Sebanyak 10,000 pengguna adalah berdaftar sebagai penulis manakala bakinya adalah pembaca. *NovelPlus* juga menawarkan yuran langganan kepada pembaca yang ingin menikmati pembacaan novel melalui aplikasi ini tanpa iklan.

Tetapi, kebanyakan platform di dalam talian tidak menapis terlebih dahulu hasil karya yang akan diterbitkan dan ini menjadi salah satu faktor penggunaan bahasa rojak dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya golongan remaja. Penggunaan kata-kata yang kesat juga amat membimbangkan kerana ianya mampu mempengaruhi gaya percakapan seseorang individu itu. Apabila sudah terbiasa dan menjadi rutin harian mengungkapkan kata-kata kesat, maka ia akan diaplikasikan dalam kehidupan seharian misalnya ketika berada di media sosial

(Hariyati Ariffin, 2019). Menurut kajian yang dilakukan oleh Noviyanti Simantunjak et al. (2021) kebanyakan pembaca gemar membaca bahan bacaan yang bergenre romantik dan perkara ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi pemikiran mereka. Genre romantik gemar dibaca oleh wanita terutamanya golongan remaja. Bun (2007) mengatakan bahawa wanita dan remaja yang berumur sekitar 20-an mempunyai harapan yang tinggi apabila sedang menjalin hubungan. Apabila menyebut tentang adegan romantik pasti akan diselitkan dengan unsur-unsur seksual. Unsur-unsur seksual yang diselitkan mampu mempengaruhi pemikiran dan juga tingkah laku pembaca terutamanya golongan remaja. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, golongan remaja adalah satu golongan yang sedang melalui fasa untuk mencuba sesuatu yang baru. *NovelPlus* merupakan sebuah platform digital yang popular dalam kalangan peminat novel iaitu, satu aplikasi yang menawarkan pelbagai jenis genre novel yang menarik. Genre-genre yang ditawarkan sudah tentu dihasilkan oleh penulis yang sememangnya mempunyai ilmu serta membuat penyelidikan tentang sesuatu perkara yang akan dimasukkan dalam karya mereka. Kebanyakan rakyat Malaysia membaca bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan (Siti Haliza Yusop, 2017). Ilmu-ilmu yang diselitkan dalam setiap novel yang dibaca sudah tentu dapat menambah ilmu pengetahuan kepada pembaca.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka jika pembacaan *NovelPlus* memberikan kesan dari segi bahasa, pemikiran dan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19.

Tinjauan Literatur

a. Kesan Pembacaan NovelPlus dari Segi Bahasa

Bahasa adalah alat untuk berinteraksi yang digunakan dalam semua perkara. Menurut Intan Permatasari et al. (2020), pembacaan ekstensif yang dilakukan di luar seperti membaca secara dalam talian dapat meningkatkan kemahiran bahasa dalam kalangan pembaca terutamanya pelajar. Dari segi bahasa dapat dilihat bahawa kemahiran penggunaan bahasa dan kaedah berbahasa dapat ditingkatkan. Kajian ini mengatakan bahawa hampir semua orang lebih tertarik untuk mempelajari sesuatu perkara melalui medium teknologi kerana lebih menarik dan sudah tentu tidak membosankan. Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan teknologi dalam kalangan manusia pada zaman kini sedang berkembang dengan begitu pesat dan hal ini telah mendorong mereka untuk membaca secara dalam talian kerana ianya lebih efisien.

Nur Ain Abdul Malek et al. (2018) mengatakan bahawa penggunaan aplikasi boleh meningkatkan tahap keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seseorang akan lebih mudah menangkap apa yang dilihat dan dibacanya di skrin telefon atau komputer riba berbanding dengan bahan bacaan yang berbentuk fizikal seperti buku, majalah, ensiklopedia dan bahan bacaan yang lain. Kajian ini mengatakan bahawa kepesatan teknologi telah membuatkan semakin ramai yang menguasai bahasa asing hanya dengan peranti elektronik yang dimiliki.

b. Kesan Pembacaan NovelPlus dari Segi Pemikiran

Fatimah Haji Saidin dan Jamilah Ahmad (2015) mengatakan bahawa banyak kajian dilakukan dengan melihat bagaimana penceritaan berjaya mempengaruhi kepercayaan individu dan seterusnya mengubah sikap mereka. Pembaca yang tergolong dalam kalangan remaja memiliki ciri-ciri personaliti yang sedang berkembang dan hal ini membuatkan mereka mudah mempelajari, mempercayai dan menjadikannya amalan dalam kehidupan. Kebanyakan novel dalam talian menyajikan novel bergenre romantik yang kebiasaannya mengisarkan tentang perkahwinan yang dipaksa atau aturan keluarga. Apabila membaca, pembaca akan

menghayati dengan begitu asyik sehingga membayangkan babak-babak romantik tersebut akan berlaku di alam realiti.

Baçoğul (2021) mengatakan bahawa konsep baharu seperti pembacaan sosial, bacaan digital, bacaan maya, bacaan skrin telah muncul disebabkan oleh penggunaan media digital. Kajian ini mengatakan bahawa pembacaan novel dalam talian boleh dikatakan sebagai sastera yang kurang berkualiti kerana di dalam teks terdapat unsur-unsur negatif seperti makian, slanga, seksualiti, dan keganasan. Pemikiran pembaca boleh terpengaruh dengan sisi negatif ini terutama dalam komunikasi seharian mereka. Hal ini kerana, terdapat unsur makian dan slanga dalam pembacaan novel dalam talian yang akan memberi impak negatif terhadap pembaca terutamanya golongan remaja.

c. Kesan Pembacaan NovelPlus dari Segi Ilmu Pengetahuan

Pianzola et al. (2020) menjelaskan bahawa pembacaan secara dalam talian yang melibatkan pembaca dari seluruh dunia mampu mengulas pendapat mereka yang tinggal di pelbagai negara tentang budaya mereka. Ilmu pengetahuan pembaca akan bertambah tentang sesuatu budaya negara lain apabila membaca secara dalam talian. Kebanyakan pengguna boleh berinteraksi dengan pengguna aplikasi tersebut dari negara lain di ruangan komen. Ruangan komen sering digunakan untuk bertukar pendapat atau isu-isu menarik di tempat tinggal mereka, misalnya tentang budaya sesuatu bangsa atau tempat kerana dengan wujudnya kepelbagaian budaya.

Aidatul Fitriyah et al. (2022) menjelaskan bahawa pembacaan karya sastera seperti novel dapat membantu pembaca untuk mengetahui isu-isu yang terkini seperti politik, sosial dan budaya sesebuah tempat. Budaya sesebuah tempat akan diketahui selepas melihat dan membaca, maka dengan membaca secara di dalam talian, pembaca mampu menambah ilmu pengetahuannya tentang budaya sesuatu tempat terutamanya di negara orang. Pembaca akan berfikir dan terus berfikir dan cara ini sememangnya baik untuk seseorang kerana ilmu pengetahuannya semakin bertambah.

Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu menggunakan kaedah temu bual. Seramai 10 orang informan telah ditemu bual untuk meneroka jika pembacaan novel di *NovelPlus* memberi kesan dari segi bahasa, pemikiran dan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat di Malaysia. Sejumlah 10 orang informan ini merupakan kumpulan informan yang kerap menggunakan *NovelPlus* untuk membaca novel secara dalam talian dan telah mahir dalam menggunakan *NovelPlus*. Data telah dianalisa secara verbatim.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kaedah kajian kualitatif adalah penyelidikan yang mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Kajian daripada Creswell (1998) mengesyorkan sehingga 10 informan untuk sesuatu kajian berbentuk temu bual tetapi pada akhirnya, bilangan informan yang diperlukan harus bergantung pada saat ketepuan dicapai. Menurut Hennink dan Kaiser (2021), temu bual bersama 9 – 17 orang informan adalah mencukupi untuk mencapai tahap ketepuan dalam kajian kualitatif. Apabila semua informan telah memberikan maklumat yang sama dan ketepuan data telah dicapai maka kutipan data akan dihentikan.

Untuk kajian ini, informan dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan adalah sampel daripada satu populasi yang dipilih untuk tujuan kajian.

Dapatan Kajian

Kesan Pembacaan *NovelPlus* terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 dari segi Bahasa

Membuka Peluang untuk Mempelajari Bahasa Luar

Menurut Informan 1, beliau bersetuju bahawa pembacaan novel di dalam talian melalui aplikasi *NovelPlus* telah memberi kesan dari segi bahasa. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, beliau gemar membaca novel dalam bahasa Indonesia dan ketika beliau membaca novel di dalam aplikasi *NovelPlus* perkara ini sedikit sebanyak telah mengukuhkan lagi kefasihannya dalam berbahasa Indonesia. Banyak perkataan-perkataan baru yang dipelajari oleh beliau terutamanya dalam bahasa asing tersebut. Beliau berpendapat bahawa apabila membaca novel melalui aplikasi *NovelPlus* dalam bahasa Indonesia, gaya bahasanya lebih indah dan menarik. Menurut Informan 1, banyak perkataan-perkataan Bahasa Indonesia yang digunakan dalam penulisan novel seperti 'bucin' dan 'salting'. Beliau turut mengatakan maksud-maksud perkataan tersebut iaitu, 'bucin' adalah *budak cinta* dan 'salting' adalah *salah tingkah*. Informan 10 turut bersetuju bahawa dengan cara membaca novel secara dalam talian telah membuatkan penguasaannya dalam bahasa Inggeris semakin baik. Beliau mengatakan bahawa sering membaca novel dalam bahasa Inggeris maka secara tidak langsung penguasaan dalam bahasa Inggeris semakin bertambah baik kerana banyak perkataan bombastik yang dijumpai ketika membaca novel.

Memantapkan Kosa Kata

Menurut Informan 8 dan Informan 9, mereka menganggap membaca novel secara di dalam talian melalui aplikasi *NovelPlus* dapat memberi kesan dari segi bahasa, iaitu dengan memantapkan kosa kata. Tambahan pula, ketika pandemik COVID-19 melanda negara, kita banyak menghabiskan masa di rumah dan peluang ini digunakan oleh Informan 8 dan Informan 9 untuk membaca novel secara dalam talian. Menurut Informan 8, perkara ini akan mempengaruhi dalam pembelajaran kerana apabila seseorang individu itu kaya dengan kosa kata sudah tentu tidak menjadi masalah ketika menulis esei. Dengan membaca sahaja kita dapat memantapkan penggunaan kosa kata sedia ada terutamanya dalam bahasa Melayu.

Penggunaan Bahasa yang Santai

Menurut Informan 7, beliau bersetuju bahawa melalui pembacaan novel secara dalam talian memberi kesan dari segi bahasa. Kebanyakan penulis menggunakan bahasa pasar yang lebih santai dan mudah difahami. Penggunaan bahasa yang santai telah memudahkan pembaca untuk memahami jalan cerita yang disampaikan. Perkara ini juga secara tidak langsung dapat mengurangkan tekanan dalam diri pembaca.

Penggunaan Kata-Kata Kesat

Menurut Informan 6, beliau mengatakan bahawa aplikasi ini juga memaparkan bahan bacaan yang mengandungi kata-kata kesat. Novel-novel yang disiarkan melalui aplikasi ini tidak mempunyai sebarang tapisan. Menurut Informan 6, terdapat banyak kata-kata kesat digunakan di dalam novel dan terdapat juga kata-kata kesat yang keterlaluan. Jika dibandingkan dengan novel berbentuk fizikal yang sememangnya akan ditapis oleh syarikat penerbitan sebelum diterbitkan dan diedarkan kepada umum. Tiada proses tapisan sebelum novel-novel disiarkan telah menyebabkan banyak penggunaan kata-kata yang tidak sewajarnya di dalam aplikasi ini dan ianya mampu mempengaruhi komunikasi pembaca terutamanya pembaca yang terdiri daripada golongan remaja.

Kesan Pembacaan NovelPlus terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 dari segi Pemikiran

Adegan Tidak Senonoh

Menurut Informan 1, Informan 5, dan Informan 8, mereka bersetuju bahawa pembacaan novel dalam talian melalui aplikasi *NovelPlus* memberi kesan dari segi pemikiran. Banyak novel dalam talian yang tidak ditapis sebelum disiarkan dan perkara ini menyebabkan pertambahan dan elemen-elemen yang tidak sepatutnya disiarkan. Mereka berpendapat bahawa novel dalam talian yang menyelitkan adegan tidak senonoh seharusnya tidak boleh diakses oleh pembaca yang berumur 18 tahun ke bawah kerana ianya akan mempengaruhi pemikiran mereka ke arah yang tidak baik. Informan 3 dan Informan 4 pula mengatakan bahawa terlalu banyak babak-babak yang tidak sesuai dibaca oleh pembaca terutamanya pembaca yang masih belum berkahwin kerana bimbang akan mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku mereka ke arah yang tidak baik. Informan 9 juga bersetuju bahawa kesan yang wujud dari segi pemikiran terhadap pembaca adalah terdapat novel-novel dalam talian yang mempunyai kandungan dewasa. Kandungan dewasa yang berunsurkan seksual tidak sesuai dibaca oleh pembaca terutamanya pembaca di bawah umur kerana bimbang akan mempengaruhi pemikiran mereka. Hampir semua penulis novel di dalam talian yang menyelitkan kandungan dewasa dalam karya mereka telah memberi peringatan terlebih dahulu kepada pembaca. Maka, semua pilihan terletak di tangan pembaca.

Mempengaruhi Komunikasi Harian

Informan 6 mengatakan bahawa pembacaan novel dalam talian telah mempengaruhi pemikirannya apabila sering menggunakan kata-kata kesat ketika berkomunikasi. Menurutnya, perkara negatif itu telah mempengaruhinya disebabkan oleh banyak penggunaan kata-kata kesat yang digunakan dalam novel secara dalam talian ini. Perkara ini sememangnya tidak dapat dinafikan kerana, novel-novel yang disiarkan melalui aplikasi sebegini tidak ditapis dari segi penggunaan bahasanya, maka wujudlah perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya. Penggunaan perkataan-perkataan yang terlalu melampau yang berunsur keganasan amat merisaukan kerana mampu mempengaruhi pemikiran pembaca di bawah umur.

Pendedahan tentang Dunia Penulisan dan Penulis Baharu

Informan 9 mengatakan bahawa pembacaan novel menerusi aplikasi *NovelPlus* telah mempengaruhi pemikirannya apabila beliau terdedah dengan dunia penulisan. Beliau mengatakan bahawa setiap penulis membawa identiti mereka yang tersendiri. Dengan membaca novel di *NovelPlus* sedikit sebanyak telah mempengaruhi pemikirannya agar berkecimpung dalam dunia penulisan. Menurutnya keunikan yang wujud dalam diri setiap penulis novel dalam talian ini juga telah menarik minat pembaca untuk terus menyokong karya mereka.

Kesan Pembacaan NovelPlus Terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 dari segi Ilmu Pengetahuan

Ilmu Pengetahuan tentang Jenayah

Informan 1 bersetuju bahawa melalui pembacaan novel dalam talian melalui aplikasi *NovelPlus* memberi kesan dari segi ilmu pengetahuan. Informan 1 mengatakan bahawa ketika membaca tentang sesuatu novel yang mempunyai unsur jenayah, beliau dapat menambah ilmu pengetahuan tentang jenayah, misalnya jenis jenayah, akta-akta dan hukuman yang akan dikenakan jika disabitkan kesalahan tersebut.

Mengetahui tentang Negara Luar

Menurut Informan 2 dan Informan 4, mereka bersetuju bahawa membaca novel melalui aplikasi *NovelPlus* memberi kesan dari segi ilmu pengetahuan. Menurut Informan 2 dan Informan 4, dengan membaca novel-novel menerusi aplikasi *NovelPlus*, mereka dapat mengetahui tentang nama negara yang tidak diketahui sebelum ini. Bukan sahaja mereka lebih mengetahui tentang negara luar malah mereka turut mengetahui tentang budaya di sesuatu tempat. Menurut Informan 6, beliau bersetuju bahawa dengan membaca novel dalam talian beliau dapat mengetahui tentang tempat-tempat menarik bukan sahaja di dalam negara malah di luar negara juga. Latar tempat adalah antara elemen terpenting dalam penghasilan sesebuah novel. Beliau mengatakan selepas membaca novel di *NovelPlus*, beliau mengetahui tentang negara orang di mana beliau sendiri tidak pernah menjejakkan kaki di tempat itu. Beliau dapat berimajinasi dan membayangkan keindahan tempat-tempat menarik bukan sahaja di dalam malah di luar negara juga.

Mengetahui tentang Sesuatu Penyakit

Menurut Informan 5, beliau bersetuju bahawa dengan membaca novel di aplikasi *NovelPlus*, beliau dapat menambah ilmu pengetahuannya tentang sesuatu penyakit. Seseorang penulis akan melakukan penyelidikan tentang sesuatu perkara sebelum menulis. Contohnya penyelidikan tentang penyakit yang akan dialami oleh watak bagi menghidupkan jalan cerita dan hal ini juga penting agar fakta yang diberikan itu sah. Dengan cara ini juga, pembaca dapat mengetahui tentang sesuatu perkara seperti penyakit.

Kesan Pembacaan NovelPlus terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 Dari Segi Lain-Lain

Kesihatan

Menurut Informan 2, perkara ini berpunca daripada proses pembacaan apabila seseorang individu itu memandang skrin peranti elektronik terlalu lama. Perkara ini boleh mengundang kepada masalah kesihatan mata seperti rabun, kemerahan, rasa kasar dan kabur pada bahagian mata. Beliau juga berpendapat apabila seseorang itu membaca novel dalam keadaan yang gelap akan semakin memudaratkan.

Wujud Jurang Komunikasi

Kesan lain yang wujud selepas pembacaan novel dalam talian menerusi aplikasi *NovelPlus* ini adalah wujudnya jurang komunikasi. Menurut Informan 8, beliau bersetuju bahawa jurang komunikasi yang wujud adalah disebabkan oleh terlalu banyak masa yang dihabiskan untuk membaca novel dalam talian sehingga kurang bergaul dengan orang di sekeliling. Kebiasaannya beliau membaca novel di aplikasi *NovelPlus* tiga hingga ke lima jam sehari. Hal ini telah membuatkan beliau kurang berkomunikasi kerana masanya banyak dihabiskan untuk membaca novel dalam talian.

Menjimatkan Wang

Menurut Informan 2, beliau mengatakan bahawa apabila membaca novel dalam talian dapat menjimatkan wang kerana pengguna tidak perlu membeli novel berbentuk fizikal yang sudah tentu menelan wang ringgit. Membaca novel dalam talian menggunakan aplikasi *NovelPlus* tidak perlu mengeluarkan wang dan perkara ini telah membantu golongan yang tidak mempunyai pendapatan seperti pelajar dan suri rumah mempunyai peluang untuk terus membaca.

Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneroka kesan pembacaan novel melalui aplikasi *NovelPlus* terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, boleh disimpulkan bahawa pembacaan novel melalui aplikasi *NovelPlus* mempunyai kesan-kesan yang tersendiri oleh pembaca yang membaca novel dalam talian menerusi aplikasi *NovelPlus*. Dalam kajian ini, terdapat beberapa kesan yang wujud melalui pembacaan novel dalam talian di *NovelPlus* terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19.

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan, antara kesan-kesan pembacaan novel dalam talian di *NovelPlus* terhadap masyarakat semasa pandemik COVID-19 adalah penemuan banyak kesan yang diperolehi sama ada dari sudut positif dan juga negatif. Hal ini kerana, melalui aplikasi *NovelPlus* ini banyak novel-novel yang disiarkan secara dalam talian yang terdiri daripada pelbagai genre memberi impak kepada masyarakat yang membaca novel di *NovelPlus*.

Melihat kepada kesan pembacaan novel menerusi aplikasi *NovelPlus* selepas kajian dilakukan, bahasa, pemikiran dan ilmu pengetahuan adalah kesan utama yang dapat dikenal pasti bagi pembaca novel di *NovelPlus*. Hal ini kerana, kesan-kesan ini sangat dekat dan sering terjadi ketika masyarakat duduk di rumah sepanjang pandemik berlaku.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar lebih banyak kelebihan-kelebihan *NovelPlus* yang harus diwujudkan menerusi aplikasi ini agar dimanfaatkan oleh penggunanya. *NovelPlus* juga harus menapis adegan-adegan tidak senonoh agar tidak boleh diakses oleh pembaca di bawah umur agar tidak mempengaruhi mereka yang masih muda. Dengan adanya tapisan terhadap golongan di bawah umur, maka mereka tidak akan sewenang-wenangnya membaca novel yang mempunyai kandungan dewasa. Kajian ini juga diharapkan boleh menjadi rujukan untuk kajian-kajian akan datang mengenai pembacaan novel dalam talian.

Secara keseluruhannya, ketika pandemik COVID-19 berlaku dan banyak kedai-kedai buku terpaksa ditutup, para peminat novel di Malaysia masih boleh membaca novel menerusi aplikasi *NovelPlus*. Ini menunjukkan *NovelPlus* adalah penting untuk proses pengembangan ilmu pada masa kini dan masa akan datang. Oleh itu, objektif kajian untuk meneroka jika pembacaan novel dalam talian melalui aplikasi *NovelPlus* memberi kesan dari segi bahasa, pemikiran dan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19 telah tercapai hasil pengumpulan data melalui informan-informan yang merupakan pembaca aplikasi *NovelPlus*.

Rujukan

- Aidatul Fitriyah, Risa Febriani Aulia Nisa', & Moses Glorino Rumambo Pandin. (2022). The popularity of the Wattpad application in increasing millennial generation's literacy through literary works. *Osfpreprints*, 4(1), 1-30. <https://doi.org/10.31219/osf.io/74h2v>
- Başoğul, D. A. (2021). Wattpad in youth literature based on the experiences of Turkish teachers and secondary school students. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 9(1), 124. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.9n.1p.124>
- Bun, J. C. (2007). Relationship beliefs, romantic ideals, and relational satisfaction (Unpublished Doctoral dissertation): Boston College.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.
- Crystal, L. (1 Julai 2021). *NovelPlus* catat premium 10 sen di awal dagangan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/07/834236/NovelPlus-catat-premium-10-sen-di-awal-dagangan>.
- Fatimah Haji Saidin, & Jamilah Ahmad. (2015). Kajian teori transportasi ke atas pembacaan novel dalam kalangan remaja. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2(5), 75-97. <https://doi.org/10.51200/jkob.v2i0.158>
- Hariyati Ariffin. (18 November 2019). Bahasa kurang sopan ubah cara komunikasi remaja masa kini. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/KHAS/Pendapat/Bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>
- Hennink, M., & Kaiser, B. N. (2021). Sample sizes for saturation in qualitative research: A systematic review of empirical tests. *Social Science & Medicine*, 114523.
- Intan Permatasari, Agus Wijayanto, & Diah Kristina. (2020). Extensive reading on Wattpad and its benefits to students' English skills: Students' perceptions. *ELS Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*, 3(4), 518–530. <https://doi.org/10.34050/elsjish.v3i4.11714>
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Noviyanti Simantunjak, Polmaris Naibaho, & Syamsul Arif. (2021). Pemanfaatan Wattpad sebagai media pembelajaran menulis cerita pendek (Disertasi kedokteran, Universiti Negeri Medan): Digital Respository. <http://digilib.unimed.ac.id/id/eprint/43404>
- Nur Ain Abdul Malek, Nor Syamimi Iliani Che Hassan, Nor Hairunnisa Mohammad Nor, & Hanis Kamarudin. (2018). Receptive skills: Reading & listening (REAL) resource pack with app support. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 2(3), 35-38. <https://doi.org/10.24191/ijmal.v2i3.7625>
- Pianzola, F., Reborá, S., & Lauer, G. (2020). Wattpad as a resource for literary studies. quantitative and qualitative examples of the importance of digital social reading and readers' comments in the margins. *PLOS ONE*, 15(1), 1-46. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0226708>
- Siti Haliza Yusop. (15 Januari 2017). Trend pembacaan rakyat capai sasaran negara maju. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/234637/trend-pembacaan-rakyat-capai-sasaran-negara-maju>.